

02 AUG 2002

Radio-Web

LAMAN WEB RADIO MALAYSIA LANGKAWI DILANCAR MALAM INI

LANGKAWI, 2 Ogos (Bernama) -- Laman web Radio Malaysia Langkawi (RML) yang dilancarkan malam ini dapat mendekatkan lagi rakyat Malaysia di luar negara dengan perkembangan semasa negara termasuk Langkawi, kata Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran (Rancangan) RTM, Haji Abdul Rahman Hamid.

Beliau berkata, laman web itu secara tidak langsung dapat memperkenalkan Malaysia ke negara luar termasuk Langkawi sebagai destinasi pelancongan.

"RTM mencatat satu lagi sejarah dengan pelancaran laman web RML yang selaras dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi," katanya ketika melancarkan laman web itu yang juga sempena hari terbuka RML di perkarangan Bangunan Tabung Haji Langkawi, Kuah di sini.

Laman web RML boleh dilayari menerusi www.azerit.com/rm langkawi.

Abdul Rahman yakin kewujudan laman itu dapat memberikan keseronokan dan peluang kepada pendengar RML di seluruh dunia untuk mengetahui berita-berita terkini Malaysia.

Beliau berkata, dengan adanya laman web seumpama itu lebih ramai pengguna Malaysia akan menggunakan komputer untuk melayari laman web dan ini turut merealisasikan hasrat "Satu Rumah Satu Komputer" oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya laman web RML mempunyai dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan Inggeris yang disiarkan berselang-seli mulai 6 pagi hingga 12 tengah malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian Datuk Abu Bakar Taib pula melancarkan sambutan hari terbuka stesen RML dengan pelbagai acara diadakan seperti kempen mengibar jalur gemilang, pertandingan mewarna, bercerita, sukaneka dan pantun.

Liputan siaran RML yang dahulu dikenali sebagai Radio Pelancongan Langkawi, kini menjangkau hampir ke seluruh kawasan utara termasuk Selatan Thailand.

-- BERNAMA

ZI HM